# NEWS CLIPPING

**Client:** Exabytes
**Publication:** Kosmo!
**Format:** Hardcopy
**Subject:** Exabytes targets 40 percent export contribution
**Date:** 12 January 2015
**PR Value:** RM 40,920


Niaga

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

# Exabytes sasar sumbangan eksport 40 peratus

**PUCHONG** – Exabytes Network Sdn. Bhd. (Exabytes), penyedia perkhidmatan pengehosan web tempatan, menyasarkan peningkatan sumbangan perolehan daripada pasaran eksport kepada 40 peratus pada tahun 2015 berbanding 30 peratus yang dicapai sebelum ini.


KEE SIAK

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chan Kee Siak berkata, unjuran itu bakal dipacu oleh strategi pengembangan perniagaannya secara agresif di pasaran Indonesia pada separuh pertama tahun ini.

"Indonesia merupakan sebuah negara yang sedang mengalami kemunculan pesat pasaran dagangan elektronik (e-dagang) dan ini dilihat memberi potensi cerah kepada kami untuk melabur di sana.

"Dengan membuka pejabat operasi di Jakarta, kami optimis untuk mengukuhkan kedudukan Exabytes bagi pasaran e-dagang, sekali gus mencapai sasaran jangka panjang untuk menjadi peneraju perkhidmatan pengehosan web di Indonesia," katanya kepada *Kosmo!* dalam satu temu bual di sini baru-baru ini.

Selain pasaran domestik, Exabytes telah berjaya menembusi pasaran Amerika Syarikat dan Singapura.

Sementara itu, menurut Kee Siak, pihaknya mengunjurkan pencapaian nilai perolehan sebanyak RM30 juta pada tahun ini berbanding RM21 juta yang direkodkan bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac 2014.

"Dengan langkah pengembangan ini, syarikat mengunjurkan untuk mencapai pertumbuhan kira-kira 30 peratus lagi pada tahun kewangan 2016," ujarnya.

Sebelum ini, Exabytes telah melengkapkan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam Usonyx Pte. Ltd., unit milik penuh sebuah syarikat dari Jepun di Singapura.

Exabytes juga merupakan peneraju bagi segmen penyedia perkhidmatan pengehosan web di negara ini dengan menguasai hampir 27 peratus daripada pasaran tersebut.